**Elak pembaziran tiga projek RM358 juta** MS2



**AES tidak dibenarkan** MS 6



**Garis panduan pasang bendera parti dikuatkuasakan** MS 25


PERCUMA

buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA






1 – 15 DISEMBER 2012

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# Tol Jambatan Kedua P. Pinang lebih RM9.40?



GAMBAR fail JKPP yang dirakam Buletin Mutiara pada 4 Oktober lalu.

**GEORGE TOWN -** Adakah kerajaan persekutuan Barisan Nasional (BN) bercadang menaikkan harga tol Jambatan Kedua Pulau Pinang (JKPP) lebih tinggi daripada RM9.40 merupakan persoalan diutarakan Ketua Menteri dalam kenyataannya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, sekiranya ia dilaksanakan, maka, yang pasti kadar tol Jambatan Pertama Pulau Pinang (JPPP) yang kini pada tahap RM7 juga turut akan dinaikkan.

Persoalan tersebut diutarakan beliau ekoran keengganan Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor menjawab soalannya di Parlimen tentang kadar tol yang bakal dikenakan sebaik JKPP dibuka untuk lalulintas pada Nov 2013.

Dalam pertanyaan lisan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan bertarikh 26 November lalu di Parlimen adalah seperti berikut :

**YB TUAN LIM GUAN ENG minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan tol yang akan dikenakan untuk Jambatan Kedua Pulau Pinang. Bilakah ia akan siap dan akan dibuka untuk kegunaan awam. Nyatakan juga kos perkembangan pembinaan jalan-jalan penghubung dari Jambatan Kedua Pulau Pinang yang mendarat di Batu Maung ke George Town dan ke Balik Pulau, tarikh ia siap, kos pembinaan dan kepada kontraktor mana. Adakah projek ini akan siap serentak atau selepas Jambatan Kedua Pulau Pinang siap.**

Jawapan bertulis yang diberikan kementerian berkaitan adalah :



**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2012, kemajuan fizikal keseluruhan projek membina Jambatan Kedua Pulau Pinang adalah mendahului jadual, iaitu 84% telah siap berbanding 82% mengikut jadual asal. Berdasarkan perancangan oleh syarikat konsesi Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB), projek dengan nilai kos RM4.5 billion itu dijangka akan siap keseluruhannya pada bulan September 2013 dan akan dibuka kepada lalulintas pada bulan November 2013. Manakala, kadar tol untuk Jambatan Kedua Pulau Pinang akan diumumkan setelah keseluruhan projek ini disiapkan kelak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas yang dijangka berlaku apabila Jambatan Kedua Pulau Pinang dibuka kelak, Kerajaan Persekutuan secara prinsipnya telah bersetuju untuk menaik taraf 3 jalan utama di bahagian pulau dengan anggaran kos projek keseluruhan sebanyak RM780 juta.

Ketiga- tiga cadangan projek jalan terlibat ialah menaik taraf Jalan Persekutuan FT 3113 dari Batu Maung ke Jambatan Pulau Pinang sepanjang 4.5 kilometer; menaik taraf Jalan Negeri P10 dari Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah sepanjang 6 kilometer dan menaik taraf Jalan Persekutuan FT06 dari Teluk Kumbar ke Bayan Lepas sepanjang 2.7 kilometer.

Berdasarkan perancangan dan semakan semula oleh kementerian ini, ketiga- tiga projek itu akan dimulakan selewat- lewatnya pada akhir tahun ini (2012) dan dijangka siap secara berperingkat- peringkat, iaitu dalam tempoh 18 bulan. Pada masa kini reka bentuk projek-projek berkenaan sedang di peringkat akhir sebelum proses memanggil tender dibuat.

Oleh itu, sementara menunggu projek – projek tersebut disiapkan, kementerian ini akan meningkatkan aspek sistem pengurusan trafik (*traffic management*), khususnya di Jalan Batu Maung ke Jambatan Pulau Pinang. Ia bertujuan untuk melicinkan pergerakan aliran trafik di laluan berkenaan dan seterusnya mengurangkan impak kesesakan lalu lintas.

**Sekian. Terima kasih.**

Kata Guan Eng, berdasarkan jawapan bertulis tersebut, Shaziman hanya menyatakan bahawa kadar tol tersebut hanya akan diumumkan setelah keseluruhan projek disiapkan kelak pada September 2013.

"Sebelum ini, Kerajaan Persekutuan BN pernah menyatakan bahawa kadar tol JKPP telahpun ditetapkan pada harga RM9.40.

"Ini bermakna bahawa kadar tol untuk JPPP akan dinaikkan daripada RM7 kepada RM9.40 kerana tidak ada sesiapa akan gunakan Jambatan Kedua (JKPP) sekiranya kadar tolnya jauh lebih tinggi daripada Jambatan Pertama (JPPP).

"Malah, berkemungkinan besar pengguna kenderaan akan lebih memilih Jambatan Pertama (JPPP) sungguhpun kadar tol kedua-dua jambatan adalah sama kerana jarak Jambatan Kedua (JKPP) sepanjang 23.5 kilometer (km) adalah lebih panjang dan memakan duit minyak berbanding dengan Jambatan Pertama (JPPP) sepanjang 13km," tegas beliau.

Dalam pada itu, katanya, Kerajaan Negeri memang mengalu-alukan keputusan kerajaan persekutuan meluluskan RM780 juta untuk menaiktaraf tiga jalan utama penghubung kepada JKPP di Batu Maung, sungguhpun ia lewat bermula dan hanya akan siap pada pertengahan 2014 iaitu sembilan bulan lebih lewat daripada siapnya JKPP pada Nov 2013.

# Datang segera elak pembaziran besar RM358 juta - KM



KEJADIAN banjir kilat yang berlaku di LTAPP pada Mac lalu.



KEBOCORAN pada siling LTAPP pada Oktober lalu.

**GEORGE TOWN –** Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha didesak supaya datang segera ke Pulau Pinang bagi 'menyelamatkan' tiga projek di bawah kementeriannya bernilai RM358 juta agar ia tidak menjadi pembaziran besar dan penyelewengan amanah awam.

Tiga projek berkaitan adalah projek RM250 juta menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), projek Tanjung City Marina (RM43 juta) dan projek bermasalah *Swettenham Pier* (RM65 juta).

Dalam pada itu, Cho Ha turut didesak sama ada dapat memberikan tarikh siap baru LTAPP dan apakah penalti yang bakal dikenakan terhadap kontraktor terbabit ekoran kegagalan menyiapkan projek naiktaraf dalam tempoh masa sepatutnya walaupun ia telah dilanjutkan sebanyak tiga kali sehingga 31 Disember ini setelah tarikh lanjutan kedua pada 24 November lalu tamat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengulas lanjut berhubung desakan tersebut menegaskan bahawa Cho Ha perlu menunaikan tanggungjawab sebagai Menteri Pengangkutan dan melawat sendiri projek-projek berkenaan di sini.

"Kong (Cho Ha) harus datang dan memeriksa sendiri dan tidak membenarkan Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) menjadikan Malaysia sebagai bahan lawak antarabangsa dengan pengumuman bahawa LTAPP sudah 'banyak yang siap' apabila jelas banyak lagi yang belum siap.

"Sekiranya projek yang tidak siap boleh dikatakan sebagai 'banyak yang siap' selepas perbelanjaan RM250 juta, maka ini adalah satu kes membabitkan bukan sahaja salah urus kewangan, tetapi penyelewengan amanah awam," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri amat terkejut dengan dakwaan MAHB bahawa kerja-kerja ubahsuai dan naiktaraf di LTAPP di Bayan Lepas sudah 'banyak yang siap'.

Katanya, mana-mana penumpang yang menggunakan prasarana LTAPP pasti tahu bahawa kenyataan tersebut adalah palsu.

"Bagaimanakah MAHB boleh mengenepikan kepentingan awam dengan kenyataan bahawa projek naik taraf tersebut sudah 'banyak yang siap' apabila bumbung belum habis dipasang, air masih lagi bocor apabila hujan, tandas-tandas berada dalam keadaan kotor dan seluruh tempat itu kelihatan seperti tapak pembinaan dengan bunyi dan habuk.

"Hanya orang yang mempunyai mata yang rabun, telinga yang pekak dan otak yang tidak boleh berfikir sahaja akan bersetuju dengan penipuan MAHB bahawa projek RM250 juta tersebut itu sudah 'banyak yang siap'.

"Daripada melindungi kontraktor-kontraktor dan pegawai pemantauan, MAHB harus bersikap jujur dan memberi sebab-sebab kenapa kerja naik taraf tersebut tidak mematuhi masa," tegas beliau.

Mengulas lanjut mengenai projek **Tanjung City Marina** yang terbengkalai, Guan Eng menyatakan bahawa walaupun disiapkan pada tahun 2007 dengan kos RM43 juta, ia kini berada dalam keadaan reput dengan tanjakan separuh tenggelam dan barisan-barisan pontun konkrit yang terapung serta membahayakan kapal-kapal persiaran dan feri serta membawa risiko keselamatan akibat lampu-lampu yang rosak.

"Pihak pengurusan Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) menepiskan tanggungjawab bagi kegagalan projek marina yang mempunyai kapasiti menampung 140 buah kapal layar serta bot dengan 102 kawasan berlabuh berkenaan dengan kenyataan akhbar baru-baru ini menyatakan bahawa prasarana pelabuhan yang direka dan dibina *Penang Port Commission* (PPC) telah rosak akibat kecacatan reka bentuk.

"Untuk mengatasi kecacatan reka bentuk, PPSB menyatakan bahawa RM10 juta diperlukan untuk kerja pembaikan. PPSB menambah bahawa Pengerusi PPC terdahulu, Tan Cheng Liang telah berjanji untuk menyediakan RM10 juta untuk kerja pembaikan, tetapi sampai sekarang janji tidak ditepati.

"Jelas, Pengerusi PPC kini iaitu Datuk Seri Chua Soi Lek telah gagal dalam tanggungjawabnya bukan sahaja untuk menaikkan taraf, malah juga menyelenggara prasarana PPC," ujarnya.

Bagi **Swettenhem Pier** bernilai RM65 juta pula, Guan Eng memberitahu bahawa aduan telah diterima daripada kapal-kapal persiaran yang penting kepada sektor pelancongan negeri bahawa perkhidmatan dan kemudahan disediakan adalah tidak memuaskan.

"Ketiga-tiga projek ini adalah di bawah naungan Kementerian Pengangkutan dan berjumlah RM358 juta.

"RM358 juta ini akan menjadi pembaziran besar dan penyelewengan amanah awam sekiranya Kong (Cho Ha) tidak mengambil langkah segera untuk mengelakkan kegagalan dalam pengurusan projek serta menyelamatkan projek-projek yang parah ini.

"Daripada membazirkan masa dengan nombor pendaftaran kereta dan pemasangan 831 kamera 1Malaysia di bawah Sistem Pengkuatkuasaan Automatik atau AES, Kong (Cho Ha) harus datang segera ke Pulau Pinang dan menyelamatkan keadaan," tegas beliau lagi.

# KN sedia ambil alih Tanjung City Marina

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri bersedia mengambilalih pengurusan Tanjung City Marina untuk mengelakkannya daripada terus terbiar.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pengurusan Tanjung City Marina bernilai RM43 juta tersebut adalah di bawah Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB).

"Kerajaan Negeri rela menerima Tanjung City Marina sekiranya pihak terbabit sedia menyerahkannya.

"Sekiranya mereka (PPSB) tak tau atau tak boleh uruskan dengan baik dan nak serah kepada Kerajaan Negeri, kita rela terima.

"Ini (Tanjung City Marina) bagi pada kita (Kerajaan Negeri), kita (Kerajaan Negeri) boleh uruskan, mungkin mereka (PPSB) tak perlu habis and bazir wang lagi lah," katanya ketika membuat tinjauan khas di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng.

Dalam kenyataan Guan Eng sebelum ini, pihak pengurusan PPSB menepiskan tanggungjawab bagi kegagalan projek marina yang mempunyai kapasiti menampung 140 buah kapal layar serta bot dengan 102 kawasan berlabuh berkenaan dengan kenyataan akhbar menyatakan bahawa prasarana pelabuhan yang direka dan dibina Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang atau *Penang Port Commission* (PPC) telah rosak akibat kecacatan reka bentuk.

Untuk mengatasi kecacatan reka bentuk, PPSB menyatakan bahawa RM10 juta diperlukan untuk kerja pembaikan. PPSB menambah bahawa Pengerusi PPC terdahulu, Tan Cheng Liang telah berjanji untuk menyediakan RM10 juta untuk kerja pembaikan, tetapi sampai sekarang janji tidak ditepati.



KEADAAN Tanjung City Marina yang tidak terurus.

Dalam pada itu, hasil tinjauan yang dibuat mendapati hanya sebuah restoran yang beroperasi manakala rumah kelab telah ditutup dan lokasi berlabuh kapal layar dihanyutkan serta tenggelam.

Dahulunya, kawasan tarikan pelancong milik PPC yang siap dibina pada 2006 dan memulakan operasi pada 2007 tersebut menempatkan rumah kelab, restoran dan lokasi berlabuh kapal layar mewah.

Tambah Guan Eng, sekiranya diserahkan, Kerajaan Negeri akan menjalankan tender terbuka bagi mengenalpasti operator terbaik.

# Tunjuk bukti isu beli air – Hock Seng

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, Teng Chang Yeow dipersoal sama ada berani untuk meletak jawatan sekiranya gagal membuktikan dakwaan beliau bahawa Pulau Pinang bersetuju membeli air daripada Sungai Muda melalui perjanjian pembekalan air mentah dengan Kedah baru-baru ini.

Persoalan tersebut diutarakan Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom), Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi), Lim Hock Seng dalam kenyataan beliau di sini.

Katanya, Chang Yeow dipetik dalam suratkhabar sebagai mempersoalkan kenapa terdapat kenyataan yang bercanggah daripada Kerajaan-kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kedah mengenai perjanjian pembekalan air mentah ekoran baru-baru ini, Dewan Undangan Negeri Kedah telah meluluskan bajet di mana keuntungan akan ditingkatkan melalui pembayaran daripada Pulau Pinang untuk air daripada Sungai Muda walaupun tiada sebarang perjanjian bertulis mengenainya.

"Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng serta Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Jaseni Maidinsa telahpun menafikan perbincangan atau persetujuan untuk membayar Kedah untuk air daripada Sungai Muda.

"Teng (Chang Yeow) berkata bahawa beliau lebih cenderung untuk mempercayai Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak dalam hal ini, justeru membayangkan bahawa Lim (Guan Eng) menipu dan ingin mengelirukan pihak awam.

"Ini merupakan dakwaan terhadap Lim (Guan Eng) yang serius, berunsur fitnah dan berasaskan penipuan," tegas beliau.

Menurutnya, bolehkah Chang Yeow membuktikan dakwaannya dengan dokumen atau surat yang menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju untuk membayar Kedah?

"Beranikah Teng (Chang Yeow) letak jawatan sebagai pengerusi BN Pulau Pinang jika beliau tidak dapat membuktikan dakwaan jahatnya bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju untuk membayar Kedah bagi air daripada Sungai Muda melalui perjanjian pembekalan air mentah dengan Kedah?" soal Hock Seng.

Tambahnya, jika Chang Yeow boleh membuktikan dakwaannya, beliau bersedia untuk letak jawatan sebagai Ahli Exco dan menerima tanggungjawab.

"Dakwaan Teng (Chang Yeow) adalah palsu kerana tiada sebarang perjanjian atau dokumen mengenai pembekalan air tersebut telah ditandatangani.

"Malah, tiada sebarang pengumuman pun daripada pihak Kerajaan Negeri ataupun apa-apa pembayaran yang termasuk dalam bajet negeri Pulau Pinang yang diluluskan pada awal bulan ini," jelasnya.



LIM Hock Seng.

Malah, Hock Seng memberitahu, sebelum ini, Ketua Menteri telah menelefon Azizan yang telah mengesahkan bahawa tiada dokumen bertulis daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menyatakan persetujuan tersebut.

"Jika Kerajaan Negeri Kedah telah memasukkannya sebagai hasil dalam bajet mereka, maka, penjelasan harus didapatkan daripada pihak mereka. Tidak seperti Teng (Chang Yeow), kita tidak suka meletakkan ayat ke dalam mulut orang lain.

"Integriti Teng (Chang Yeow) kini dipertaruhkan – bolehkah beliau membuktikan persetujuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membayar negeri Kedah dengan dokumen bertulis?

"Jika beliau boleh, saya akan letak jawatan. Jika tidak, Teng (Chang Yeow) harus letak jawatan dan menerima tanggungjawab penuh atas cubaan untuk memenangi pilihanraya umum yang akan datang dengan cara yang begitu tidak jujur," tegas beliau.

Sementara itu, dalam sidang akhbar berasingan, Hock Seng menjelaskan bahawa, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Pembangunan Luar Bandar Kedah, Ir. Phahrolrazi Zawawi telah mengesahkan bahawa tiada sebarang rundingan dijalankan dengan Pulau Pinang berkaitan pembayaran caj air mentah seperti yang dihebahkan dalam akhbar-akhbar tempatan baru-baru ini.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetap dengan pendirian awal, di mana tiada sebarang pembayaran akan dibuat ke atas caj air mentah memandangkan ianya sudah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mempunyai hak atas penggunaan saliran air.

"Teng Chang Yeow (Chang Yeow) seharusnya meletakkan jawatan sebagai Pengerusi BN Pulau Pinang memandangkan beliau gagal menunjukkan bukti.

"Terdahulu, saya mencabar tunjuk bukti dan dia gagal, maka perlu letak jawatan. Sekiranya dia (Chang Yeow) tidak meletakkan jawatan, ia menunjukkan dia seorang yang tidak berintergriti dan bermoral," tegas Hock Seng.

# Sokongan terus diperkukuh, rakyat untung

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB & NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Sokongan terhadap Kerajaan Negeri perlu terus diperkukuh supaya rakyat kian menikmati keuntungan melalui Program-Program Sumbangan Emas mulai tahun depan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada majlis penyampaian sumbangan yang diadakan peringkat Daerah Timur Timur Laut (DTL) baru-baru ini.

Seramai 280 waris warga emas meninggal dunia dan 623 pelajar yang layak masuk ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) masing-masing menerima RM1,000.

"Dulu, kita tahu dia (Barisan Nasional) menentang (program) warga emas, dia cakap (RM100 sumbangan setiap tahun) itu haram.

"Semua ini akan hilang sekiranya BN (Barisan Nasional) berkuasa semula di Pulau Pinang," ujar beliau di Komtar, di sini.



KETUA Menteri memperkatakan sesuatu kepada salah seorang penerima bagi peringkat Daerah Timur Laut.

Sejak Mac 2008, iaitu semasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baru ditubuhkan, pentadbiran Guan Eng telah memperkenalkan beberapa Program Sumbangan Emas secara berperingkat.




SALAH seorang penerima bersalaman dengan Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai, Sr. Rozali Mohamud (kanan sekali) pada majlis penyampaian peringkat Daerah SPT di sini baru-baru ini.

Warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU) masing-masing menerima RM100 tiap-tiap tahun.

Manakala, anak baru lahir menerima RM200 bermula tahun ini berbanding tahun sebelumnya yang berjumlah RM100 sahaja.

Pelajar tahun Satu dan Empat serta Pelajar tingkatan Satu dan Empat yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri turut menerima RM100 secara '*one-off*'.

Selain Daerah Timur Laut, turut disumbangkan adalah 156 waris warga emas yang meninggal dunia dan 248 pelajar layak memasuki IPTA bagi Daerah Barat Daya. Peringkat Seberang Perai Utrara (SPU) adalah membabitkan 582 pelajar manakala Seberang Perai Tengah (SPT), 611.

# eKerajaan promosi pengurusan urusan melalui talian



ANTARA pengunjung yang hadir Pameran eKerajaan Pulau Pinang yang diadakan di ruang legar Komtar di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Projek *Penang Free WiFi* yang dizahirkan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang adalah bagi memastikan rakyat negeri ini mempunyai pilihan akses percuma internet dan sekaligus meningkatkan daya saing di era globalisasi dan k-ekonomi kini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersempena Majlis Pelancaran Pameran eKerajaan Negeri Pulau Pinang yang dianjurkan buat kali kedua di sini baru-baru ini.

Katanya, hasrat kerajaan untuk melakukan penyampaian berkesan tidak akan kesampaian sekiranya talian internet tidak mencapai garis panduan 3A iaitu, *Accessibility, Availability* dan *Affordability*.

"Justeru, Kerajaan Negeri mezahirkan projek WiFi percuma kepada seluruh rakyat negeri ini. Ini kerana, di benua Afrika, ada yang sanggup tidak makan demi melayari internet," jelasnya.

Penganjuran yang bertujuan mempromosikan urusan melalui penggunaan talian dilangsungkan dalam tempoh dua hari bertemakan 'EZ eG eKerajaan Lebih Mudah'.

Ini adalah kesinambungan pameran pertama di pusat membeli-belah *Sunway Carnival*, Seberang Jaya pada Oktober tahun lalu dan ia bakal diperluaskan ke lokasi-lokasi lain.

Terdapat 34 jenis perkhidmatan atas talian disediakan melalui portal rasmi Kerajaan Negeri termasuk masing-masing lapan jenis perkhidmatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Ini termasuk, proses semakan status permohonan rumah kos rendah/sederhana/projek perumahan rakyat (PPR), pinjaman penuntut, status bantuan warga emas, ibu tunggal, semakan pendaftaran perkahwinan dan sebutharga ataupun tender terbuka.

Dalam pada itu, Guan Eng turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada jabatan/agensi negeri atas pencapaian lima bintang dalam *Malaysia Gorvernment Portal/Websites Assesment 2012* yang dilaksanakan *Malaysia Development Corporation* (MDeC) iaitu Portal Rasmi Kerajaan Negeri dikendalikan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

"Turut memperoleh pengiktirafan sama adalah portal rasmi MPPP, MPSP, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dan web rasmi Jabatan Kewangan Negeri," ujar beliau.

Beliau dengan itu berharap Pameran eKerajaan yang diadakan tersebut dapat mencapai sasaran dalam mempromosi serta memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan atas talian disediakan Kerajaan Negeri melalui *www.penang.gov.my* sebagai menjadi pemudahcara semua pihak.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik, Setiausaha Kerjaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait, pegawai-pegawai serta kakitangan Kerajaan Negeri.



ROSLI Jaafar (depan, dua dari kiri) bertukar-tukar dokumen dengan Richard Goh (depan, dua dari kanan) sambil diperhatikan Ketua Menteri pada Majlis Menandatangani Persetujuan Perjanjian Menaiktaraf Sebahagian Komtar Antara PDC dan OWG di sini baru-baru ini.

## Projek naiktaraf Komtar RM40 juta

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) diyakini akan 'kembali bersinar' apabila kerja-kerja menaiktaraf bernilai RM40 juta merangkumi premis di tingkat lima, 59, 60 dan 64 bakal dilaksana sebuah syarikat yang berjaya dalam tender terbuka projek berkenaan melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini baru-baru ini.

Projek yang bakal mengambil tempoh masa 30 bulan bermula tahun depan bakal menempatkan lif lutsinar berkelajuan tinggi dari tingkat lima ke tingkat 59 dan 60; sebuah dewan bankuet berserta restoran mewah di tingkat lima yang dihubungkan ke *Komtar Walk* (sedia ada kini) menggunakan tangga elektrik baharu termasuk ruang legar terbuka merangkumi struktur binaan elektrikal, awam dan mekanikal.

Turut tersenarai adalah penaiktarafan empat lif dalam blok menara serta lobi dan pada bahagian puncak menara turut akan disinari lampu laser L.E.D yang boleh dilihat dari jarak jauh.

Ketua Menteri yang juga Pengerusi PDC, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, syarikat World Equipment Sdn. Bhd. (anak syarikat *Only World Group*) yang berjaya dalam tender terbuka dijalankan pada 15 Ogos 2010 bakal membangunkan projek berkenaan.

"Syarikat *Only World Group* (OWG) merupakan pembida terbaik dan mereka (OWG) mempunyai rekod cemerlang dalam membangunkan pusat-pusat pelancongan terkemuka seperti, *Genting Highlands*, *Universal Studio* di Singapura, *Mines Wonderland*, *Desa Waterpark*, dan *Sunway Lagoon*," katanya pada Majlis Menandatangani Persetujuan Perjanjian Menaiktaraf Sebahagian Komtar Antara PDC dan OWG di sini baru-baru ini.

Majlis bersejarah tersebut diadakan di puncak menara Komtar dengan turut dihadiri Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yow; Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar; Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait dan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif OWG, Datuk Richard Goh.

Menurut Guan Eng, projek tersebut bakal mengembalikan zaman kegemilangan Komtar yang mempunyai empat tingkat blok podium dan 65 tingkat menara tersohor dan merupakan ikon negeri Pulau Pinang.

## Pelbagai lapisan masyarakat rai rumah terbuka

**SAMBUTAN MERIAH...** Majlis Rumah Terbuka Deepavali Peringkat Negeri Pulau Pinang disambut meriah di Dewan Serbaguna Jawi, Seberang Perai Selatan (SPS) baru-baru ini dengan kehadiran masyarakat pelbagai lapisan kaum dari seluruh negeri ini.

Turut memeriahkan penganjuran tersebut adalah kehadiran Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Bersempena penganjuran tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy menyempurnakan upacara menyalakan *Kutthu Vilakku* sambil diperhatikan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman sebelum berlangsungnya majlis berkenaan.

Turut hadir, barisan Exco Kerajaan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus; para Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta



KETUA Menteri dan Dr. P. Ramasamy (empat dari kanan) menyalakan *Kutthu Vilakku* pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

# Keberanian, pengorbanan wira perang terus diingati

**PENGHORMATAN...** Hari Peringatan (*Remembrance Day)* yang disambut di seluruh dunia pada 11 November setiap tahun merupakan hari memperingati wira-wira perang dan mereka yang meninggal dunia dalam peperangan demi menjaga maruah, daulat dan kebebasan bangsa serta negara.

Antaranya, peristiwa Perang Dunia I (1914-1918), Perang Dunia II (1939-1945), Peristiwa Landasan Maut Nong Pladuk Siam – Thanbyuzayat Burma (1942-1945), Darurat Tanah Melayu (1948-1960), Konfrontasi Indonesia (1962-1965) dan Peristiwa Pemberontakan Komunis (1972-1990).

Baru-baru ini, Persatuan Veteran Pulau Pinang menganjurkan suatu Majlis Hari Peringatan yang diadakan di Tugu Peringatan *(The Cenotaph)*, Esplanade di sini.

Majlis yang dihadiri Ketua Menteri dan barisan pucuk pimpinan Kerajaan Negeri turut disertai pegawai-pegawai dan anggota-anggota pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) meliputi Udara, Laut dan Darat negara.

Turut hadir, pelbagai regimen termasuk dari Great Britain, Australia, New Zealand, Singapura, Kepulauan Fiji, Nepal, Kesatuan Rhodesia dan Nyasaland dan Thailand.



PEGAWAI dari pasukan keselamatan negara meletakkan kalungan bunga sebagai tanda penghormatan bersempena sambutan Hari Peringatan yang diadakan di sini baru-baru ini.



TUGU Peringatan di Padang Kota Lama yang menjadi simbolik.

# Imbuhan bonus 2 bulan untuk PDC

**MERIAH dan bercahaya...** Bersempena sambutan Deepavali tahun ini, seramai 45 kanak-kanak kurang bernasib baik dari Rumah Kebajikan Seri Cahaya telah diraikan dalam majlis Rumah Terbuka Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini baru-baru ini.

Selain sumbangan duit raya, kumpulan kanak-kanak tersebut turut dibawa ke sebuah pasaraya untuk mendapatkan pakaian baru.

Pengerusi PDC yang juga Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, inisiatif tersebut adalah selaras dengan pentadbiran Kerajaan Negeri yang mementingkan kebajikan rakyat dan mengutamakan golongan memerlukan.

Beliau dalam pada itu turut berharap kecemerlangan PDC akan berterusan dengan perkhidmatan berhemah untuk kemajuan serta kebanggaan rakyat negeri Pulau Pinang.

Guan Eng turut mengumumkan imbuhan bonus selama dua bulan kepada kakitangan perbadanan berkenaan.



KETUA Menteri bergambar kenangan bersama-sama pucuk kepimpinan Kerajaan Negeri dan kanak-kanak dari Rumah Kebajikan Seri Cahaya sempena Rumah Terbuka Deepavali PDC di sini baru-baru ini.

# KM kagum semangat kental pelajar istimewa cemerlang

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Cacat penglihatan sejak lahir tidak menghalang Kenzon Yeoh, 12, seorang murid Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Penglihatan) Alma, Bukit Mertajam, di sini memperoleh keputusan cemerlang dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) baru-baru ini.

Kenzon yang meraih keputusan 5A dalam UPSR yang diumumkan baru-baru ini menyatakan bahawa beliau tidak pernah merasakan 'kekurangan' yang ada pada dirinya sebagai kelemahan dan penghalang untuk menimba ilmu pengetahuan.

"Ini adalah hadiah teristimewa untuk kedua-dua ibu dan bapa saya.

"Mereka (ibu bapa) sangat gembira dan ianya cukup berharga buat saya kerana telah menggembirakan mereka," kata Kenzon ketika ditemui Buletin Mutiara pada Majlis Penyampaian Sumbangan Khas Kerajaan Negeri Kepada Pelajar Cemerlang UPSR Dari Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di sini baru-baru ini.

Kenzon yang hadir ke Komtar bersama bapanya, Yeoh Chin Yeau, 50, dan ibu, Thee Suh Pyng, 47, merupakan seorang pelajar berjiwa besar.

Beliau yang petah bercakap bercita-cita untuk menghasilkan sebuah perisian berkomputer bagi membantu kehidupan seharian golongan cacat penglihatan.

Antara penerima lain adalah Teoh Zhan Feng dari Sekolah Kebangsaan Jalan Hamilton yang turut memperoleh keputusan 5A; Norsyazwani Mohd. Shapari (2A 3C), Trina Tasya Md. Tajudin (2A 2B 1C) dan P. Partiban (2A 1B 2C) masing-masing dari sekolah sama dengan Kenzon.

Para pelajar berkenaan masing-masing menerima sijil penghargaan dan token.

Pada majlis tersebut, Kenzon dengan yakin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang mengambil inisiatif khas memberi penghargaan kepada beliau serta rakan-rakannya.



KETUA Menteri memeluk mesra Kenzon Yeoh atas pencapaian cemerlang dalam UPSR pada Majlis Penyampaian Sumbangan Khas Kerajaan Negeri Kepada Pelajar Cemerlang UPSR OKU di sini baru-baru ini.

"Di kesempatan ini juga, saya ingin ucapkan tahniah kepada rakan-rakan yang telah memperoleh keputusan cemerlang dalam UPSR baru-baru ini.

"Terima kasih juga kepada semua yang telah memberi sokongan kepada kami, murid-murid khas," ucap Kenzon yang juga fasih berbahasa Inggeris, Malaysia dan Hokkien.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang menyempurnakan majlis penyampaian berkenaan menekankan bahawa Kerajaan Negeri bangga dan menghargai pencapaian cemerlang para pelajar terbabit dalam peperiksaan baru-baru ini.

"Tahniah atas kejayaan dan usaha gigih yang ditonjolkan dan diharapkan agar mereka mampu mencapai kecemerlangan di peringkat lebih tinggi.

"Secara peribadi, saya kagum dengan semangat kental dan kecekalan mereka dalam menempuh cabaran setiap hari," ujar beliau.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Ong Kok Fooi dan Pengarah Pelajaran Pulau Pinang, Ahmad Tarmidzi Kamaruddin.

# Pemasangan AES tidak dibenarkan

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri tidak akan membenarkan sebarang pemasangan kamera Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) di negeri ini.

Malah, selain kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bakal diarahkan untuk menanggalkan kamera berkenaan, Kerajaan Negeri juga bersedia ke mahkamah sekiranya terdapat sebarang pertikaian berhubung perkara tersebut.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, keputusan tersebut diambil selepas pegawai kanan Kementerian Pengangkutan menangguhkan taklimat pemasangan kamera AES kepada Exco Kerajaan Negeri pada 30 Oktober lalu.

Beliau berkata, taklimat itu sepatutnya diadakan semula dalam tempoh sebulan, tetapi Kerajaan Negeri difahamkan pihak terbabit tidak akan mengadakannya tanpa memberi sebarang alasan.

"Saya jangka taklimat itu dibatalkan atas arahan pihak atas, maka, Kerajaan Negeri tidak akan benarkan kamera AES dipasang di negeri ini," katanya pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.



**Kamera AES.**

Beliau memberitahu, sekiranya dipasang, kedua-dua PBT iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan diarahkan untuk menurunkannya.

"Saya juga minta pengguna kenderaan untuk perhatikan, sekiranya ada, maka, ia dibuat tanpa persetujuan Kerajaan Negeri. Jika dipasang dan diturunkan, apa-apa pertikaian berhubung perkara tersebut, Kerajaan Negeri sedia ke mahmakah," tegasnya.

Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri lazimnya tidak menentang sebarang usaha pematuhan peraturan-peraturan lalulintas atau pengangkutan jalan.

"Tetapi, untuk AES, kita menentang kerana had laju yang ditetapkan adalah tidak selaras dengan keadaan semasa. Dengan kelajuan 50 atau 60 kilometer sejam, sudah tentu menyusahkan pengguna jalan raya. Lebih baik pengguna jalan raya turun dan tolak kereta.

"Kedua, dua syarikat kroni Barisan Nasional (BN) bakal mendapat komisen untuk setiap keping saman dikeluarkan.

"Ini tidak boleh diterima langsung kerana penguatkuasaan tidak boleh diswastakan kepada dua syarikat swasta. Sebaliknya, ia adalah kuasa sebuah kerajaan yang dipilih rakyat," tegas Guan Eng.

## Sensitiviti penduduk Jln. Tanjung Bunga 7 dirujuk JKR

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAGAN** - Kerajaan Negeri akan terus berbincang dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) supaya usaha pelebaran jalanraya dari dua lorong ke empat lorong menghubungkan Jalan Raja Uda ke persimpangan Jalan Bunga Tanjung 7 mengambil kira sensitiviti penduduk setempat.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng berkata demikian sebagai reaksi kepada rungutan penduduk dari kira-kira 15 buah rumah teres dua tingkat di Jalan Bunga Tanjung 7, di sini yang mendakwa pelebaran jalan tersebut hampir mencecah sempadan rumah mereka.

"JKR memperuntukkan RM150,000 untuk melebarkan sebahagian daripada Jalan Tanjung Bunga 7 serta memasang satu lampu jalan di persimpangan berhampiran Jalan Raja Uda.

"(Projek pelebaran jalan) tersebut demi memenuhi kepenggunaan beribu-ribu kenderaan yang melambak (di jalan tersebut) tiap-tiap hari, selain, untuk memenuhi (keperluan) projek-projek pembangunan baru berdekatan (kawasan tersebut)," ujar beliau semasa melawat lokasi berwajib baru-baru ini di sini.

Terdahulu, pelebaran jalan tersebut dikatakan menerima rungutan penduduk setempat kerana jarak antara jalan itu dan pintu rumah penduduk berwajib adalah kira-kira 1.8 meter sahaja.



**LIM Hock Seng.**

Kerja-kerja memecahkan turapan jalan yang turut membabitkan laluan pejalan kaki sejak beberapa minggu lepas, dikatakan bakal mengakibatkan penduduk setempat menghadapi masalah parkir di luar kawasan rumah.

Penduduk setempat dilaporkan turut membangkitkan isu keselamatan serta privasi mereka akan hilang sekiranya usaha melebarkan jalan tersebut diteruskan.

Hock Seng berkata, pelebaran jalan tersebut demi menyurai kesesakan trafik yang sebenarnya menyentuh kepentingan umum rakyat, termasuk sensitiviti penduduk setempat sendiri.

## 24 tandas awam negeri bertaraf 5 bintang

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Sebanyak 24 tandas awam seluruh Pulau Pinang menerima taraf lima bintang bagi pelbagai ketegori pada Majlis Penutup Kempen Tandas Bersih Peringkat Negeri baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kempen kendalian bersama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) itu dilancarkan sejak awal tahun ini bagi meningkatkan kesedaran sivik dalam kalangan komuniti.

"Kebersihan adalah keimanan...kebersihan tandas bukan sahaja mencerminkan kebersihan sesebuah negara.

"Tetapi, merupakan salah satu cara untuk menunjukkan sama ada masyarakat itu cukup bertamadun sehingga ukuran prestasi mana-mana institusi atau pertubuhan kini bermula dengan kebersihan tandas," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Chow Kon Yeow, Phee Boon Poh dan Lim Hock Seng antara Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang hadir pada majlis tersebut.




**ANTARA pemenang Kempen Tandas Bersih Peringkat Negeri Pulau Pinang ceria menunjukkan replika kemenangan di sini baru-baru ini.**

Turut hadir, Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Maimunah Mohd. Sharif (Yang Dipertua MPSP), John Loh (Timbalan Yang Dipertua Persatuan Tandas Sedunia) dan Kenny Koay (Pengerusi Jawatankuasa Protem Quality Restroom Association Malaysia Pulau Pinang).

Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM500,000 bagi menjayakan kempen tersebut bagi tahun ini.

Daripada jumlah tersebut, beliau berkata, RM385,000 dibelanjakan untuk menaiktaraf enam tandas di MPPP, manakala, RM48,000 untuk program dan aktiviti kempen tandas bersih di MPSP.

*(Senarai penuh pemenang di ms 20).*

# Rumusan Pencapaian Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom), Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng merangkap ADUN Bagan Jermal.


LIM Hock Seng.


MENGADAKAN lawatan ke Maybank Butterworth bagi penyerahan sumbangan program kebajikan Kerajaan Negeri.

## Kerja Raya:

| Siap Dibina | Dalam Pembinaan |
|---|---|
| Had masa larangan kenderaan berat atas Jambatan Pulau Pinang untuk mengatasi masalah kesesakan di jambatan. **(Koordinasi dengan Kementerian Kerja Raya)** | Penyambungan Jalan Song Ban Keng / Jalan Belimbing / Jalan Bayu Mutiara dengan Jalan Bukit Tengah. |
| Perlebaran Jambatan Pulau Pinang. **(Koordinasi dengan Kementerian Kerja Raya)** | Pembinaan Jambatan kedua Pulau Pinang. **(Koordinasi dengan JKSB)** |
| Pembinaan Jalan Baru Menyambung Jalan Bagan 29 dan Jalan Siram, Butterworth, SPU. | Projek Pembinaan Jalan Teluk Kumbar – Pekan Genting, Balik Pulau. **(Koordinasi dengan Kementerian Kerja Raya)** |
| Menaiktaraf Jalan Pekan Kepala Batas, SPU. **(Koordinasi dengan Kementerian Kerja Raya)** | Projek Landasan Keretapi Berkembar, Ipoh – Padang Besar. **(Koordinasi dengan Kementerian Pengangkutan)** |
| Pembinaan *unidirectional ramp* di Jalan Perusahaan Perai, SPT. **(Koordinasi dengan Kementerian Kerja Raya)** | Projek pelebaran persimpangan Jalan Tun Saardon dengan Jalan Paya Terubong. |
| Pembinaan jejantas pejalan kaki Taman Inderawasih ke Masjid Jamek Seberang Perai (BORR). **(Koordinasi dengan Kementerian Kerja Raya)** | |
| Pembinaan jalan bagi menyambung Jalan Binjai dengan Jalan Binjai 4, SPT. **(Koordinasi dengan PDC)** | |
| Membaikpulih Kompleks Stadium Batu Kawan, SPS. **(Koordinasi dengan PDC)** | |
| Pembinaan Jalan P.Patto, Butterworth. | |

## Utiliti (Tenaga, Air dan Telekom)

- Membaiki penutup *manhole-manhole* yang rosak dan menaik semula *manhole-manhole* yang telah diturapkan. **(Koordinasi dengan** *service provider***)**
- Paip *force main* ke Jalan Perak. **(Koordinasi dengan IWK)**


MENINJAU perkembangan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

## Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi)

| Siap Dibina | Dalam Pembinaan |
|---|---|
| Menaiktaraf Keretapi Bukit Bendera. **(Koordinasi dengan Kementerian Kerja Raya)** | Menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. **(Koordinasi dengan MAB)** |

## DUN Bagan Jermal

- Perlebaran sepanjang Jalan Raja Uda, Butterworth.
- Perlebaran Jalan Raja Uda Fasa Dua ( dari Persimpangan Jalan Ong Yi How hingga persimpangan Jalan Lingkaran Luar, Butterworth / Jalan Sungai Puyu, SPU).
- Menggantikan paip tangki air perumahan kos rendah Taman Sukaria, Mak Mandin, Butterworth.
- Memasang 4 batang tiang lampu dan 4 buah lampu di Masjid Al Taqwa, Mak Mandin, Butterworth.
- Pemasangan 10,000 buah "*tang lung*" di sepanjang Jalan Raja Uda, Butterworth sempena Tahun Baru Cina.
- Pembinaan pintu belakang SJK© Chung Hwa 1, Butterworth.
- Merancang membina jejantas pejalan kaki di Jalan Raja Tun Uda, Butterworth.
- Menaiktaraf Persatuan Penganut Dewa Leng Eng Tian, Butterworth.
- Pembinaan tempat letak motosikal Flat Ampang Jajar, Butterworth.
- Membina pagar dan mengkonkritkan kawasan sekeliling untuk Persatuan Penduduk Pangsa Perindu, Butterworth.
- Mengubahsuai dan membaiki Surau AL-Ikhwan Mak Mandin, Butterworth.
- Mengubahsuai 2 buah tandas Pertubuhan Penganut Dewa Wei Ling Taman Riang, Butterworth.
- Membaikpulih bumbung rumah Pertubuhan Perayaan Teong Guan Yee Lan Sen Hoay, Butterworth.
- Membina pagar Dewan Persatuan Penduduk Taman Riang, Butterworth.
- Membina pagar bersimen di Madrasah Attahzib Addiniah Kg. Kastam, Butterworth.
- Mengubahsuai dan menaiktaraf Surau Al Saadah, Jalan Mohd. Saad, Butterworth.
- Membaiki dan mengubahsuai Balai Lintang Masjid Bagan Jermal, Butterworth.
- Pembinaan jalan tar Rumah Ibadat Pertubuhan Penganut Dewa Tang Hai, Butterworth.
- Menaiktaraf parit monsoon, Lorong Mak Mandin 5, Kawasan Perindustrian Mak Mandin, Butterworth.
- Pembinaan sebuah tandas di Pasar Mak Mandin, Butterworth.


PELANCARAN WiFi di Medan Selera Terminal Bas Butterworth.


BERSAMA-sama pegawai JKR dan jabatan-jabatan berkaitan bagi lawatan tapak pembinaan Jalan Baru menyambung Jalan Bagan 29 dan Jalan Siram Butterworth.


MENINJAU tapak Projek Menaiktaraf Persimpangan Jalan Tun Sardon/Jalan Paya Terubong.


BERSAMA penerima sumbangan mangsa ribut di Mak Mandin.

# Negeri bina 320 rumah mampu milik untuk Bumiputera



(14)

**Y.B. TUAN WONG HON WAI**
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang
*Perancangan Bandar & Desa, Perumahan, Kesenian*

Tarikh : 7 Ogos 2012 Rujukan Kami : MMK/29/0773/P/2(14)a

YB Dato' Wira Chor Chee Heung
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 18, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya
No. Tel : 03-8891 5012
No. Faks : 03-8891 5022

Yang Berhormat Dato' Wira,

**Cadangan Pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Dengan Peruntukan Kerajaan Persekutuan Di Jalan S.P. Chelliah, Georgetown, 10000 Pulau Pinang**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebidang tanah yang seluas 2 ekar di Jalan S.P. Chelliah di atas sebahagian Lot No. 1053, Seksyen 10, Georgetown, Dearah Timur Laut, Pulau Pinang dan berhasrat untuk membina projek PPR dengan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

3. Tanah seluas 2 ekar di atas sebahagian Lot No. 1053, Seksyen 10, Georgetown, Daerah Timur Laut adalah bertujuan menyediakan Projek Perumahan Rakyat (PPR) untuk disewakan kepada orang miskin di Pulau Pinang.

4. Untuk makluman YB, tiada sebarang projek PPR diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dalam RMK9 dan RMK10 walaupun Kerajaan Negeri telah membuat permohonan sebelum ini.

5. Kerajaan Negeri telah mengambil maklum terhadap pengumuman YB tentang saiz minimum 2 ekar untuk tujuan PPR dan oleh itu Kerajaan Negeri berharap tanah seluas 2 ekar ini boleh dibina sekurang-kurangnya 300 unit PPR.

PEJABAT KETUA MENTERI PULAU PINANG

Tingkat 53, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang (P) 04-261 0763 / 04-650 5138 Fax: 04-261 8704
Email: wonghonwai@penang.gov.my

**SALINAN surat Wong Hon Wai kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertarikh 7 Ogos lalu.**



6th August 2012

YAB Lim Guan Eng
The Chief Minister of Penang
Pejabat Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang
Tingkat 28, KOMTAR
10503 Pulau Pinang

BY HAND

Dear YAB,

**REQUEST TO TERMINATE LAND AWARD AT LOT 305, 306, 313 & 314, JALAN ZAINAL ABIDIN/LORONG SELAMAT, SEKSYEN 16, BANDAR GEORGETOWN, PULAU PINANG**

With reference to the above, we would like to seek your consideration for the return of the land to the State government by Kuala Lumpur International Dental Centre. Due to repeated disapprovals from the Ministry of Health with regards to us setting up a hospital, we would like to terminate the award of the land.

We hope that the State government will be able to look into expenses incurred by KLIDC and arrive at a reasonable compensation for us.

We, sincerely thank you for your assistance in this matter and we are looking forward to a favourable reply.

Yours truly

KUALA LUMPUR INTERNATIONAL DENTAL CENTRE SDN BHD 807695-A

Dr. Low Soo Huat
Chief Executive Officer (CEO)
Kuala Lumpur International Dental Centre Sdn Bhd

TERIMA 06 AUG 2012 Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang

KLIDC KUALA LUMPUR INTERNATIONAL DENTAL CENTRE SDN BHD (807695A)



9 November 2012

YAB Lim Guan Eng
The Chief Minister of Penang
Pejabat Menteri Negeri Pulau Pinang
Tingkat 28, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang.

BY HAND

Dear YAB,

**The Land at Lot 305, 306, 313 and 314, Jalan Zainal Abidin/ Lorong Selamat, Section 16, Bandar George Town, Pulai Pinang**

We refer to the above matter.

Please be informed that:-

(1) In furtherance of public interest, we are agreeable to the sale of the subject land by the State Government to Barisan National for the purpose of affordable housing development; and

(b) We hope to be compensated by the State Government for all interest, costs and expenses which were incurred or may be incurred by us in connection with our acquisition of the subject land.

Thank you.

Yours sincerely,

KUALA LUMPUR INTERNATIONAL DENTAL CENTRE SDN BHD 807695-A

Dr. Low Soo Huat
Chief Executive Officer (CEO)
Kuala Lumpur International Dental Centre Sdn. Bhd.

TERIMA 09 NOV 2012 Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang

KLIDC KUALA LUMPUR INTERNATIONAL DENTAL CENTRE SDN BHD (807695A)
No. 33, 2nd Floor, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia

**SALINAN surat yang dihantar Kuala Lumpur International Dental Centre Sdn. Bhd. kepada Ketua Menteri berhubung tanah di Jalan Zainal Abidin/Lorong Selamat, Seksyen 16 (Taman Manggis).**

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumumkan untuk membina 320 unit rumah kos sederhana rendah di atas dua ekar tanah di Jalan S.P. Chelliah, di sini khusus untuk Bumiputera menggunakan Tabung Bumiputera Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri tidak boleh menunggu lebih lama lagi memandangkan kerajaan pusat langsung tidak memberi respons mengenai permohonan peruntukan bagi membina rumah mampu milik di atas tanah berkenaan.

"Dari 11 ekar (tanah S.P. Chelliah, kita akan ambil dua ekar untuk meminta kerajaan pusat membina rumah, baik rumah mampu milik atau PPR (Projek Perumahan Rakyat).

"(Melalui Bajet 2013) Kerajaan persekutuan telah umumkan untuk membina 70 unit rumah PPR di Pulau Pinang, maka, adalah jelas kerajaan persekutuan tak berminat untuk bina di Pulau Pinang sungguhpun Kerajaan Negeri tawarkan tanah (dua ekar).

"Oleh itu, Kerajaan Negeri atas dua ekar tanah ini telah buat keputusan untuk membina rumah kos sederhana rendah seluas 750 kaki persegi untuk Bumiputera," ujar beliau semasa melawat tapak cadangan membina PPR tersebut dekat Jalan Zainal Abidin, di sini. Wong Hon Wai, Phee Boon Poh dan Danny Law Heng Kiang antara Exco Kerajaan Negeri yang hadir pada majlis tersebut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wai Aik, Jeff Ooi Chuan Aun (Ahli Parlimen Jelutong) dan Chong Eng (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) turut hadir pada sidang media tersebut.

Guan Eng berkata, rumah kos sederhana rendah yang mahu dibina itu menelan belanja kira-kira RM52.5 juta.


No Akaun : 10645
Peminjam : NOOR AZRIZAL BIN AHMAD ZAIDI -
860616335125
BLOK 101-8-5 TAMAN LONE PINE,
BANDAR BARU, AIR ITAM 11060 AIR ITAM
Penjamin 1 : SALOMA BINTI ABD HASHIM - 600809045406
101-08-05 TAMAN LONE PINE,
JLN BUKIT KUKUS, 11060 PAYA TERUBONG,
PULAU PINANG.
Penjamin 2 : HASMAH BINTI HUSSAIN - 550131075536
207 MUKIM D, JALAN BARU,
11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG.

No Akaun : 10647
Peminjam : SHARIZUL MUIZZ BIN HAMEEM - 871113075011
17-4-6 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG, 11600 GEORGETOWN
Penjamin 1 : ABDUL KADER BIN HAJA MYDIN - 5801110754051
NO.19 JALAN IRRAWADI, 10050 GEORGETOWN, PULAU PINANG.
Penjamin 2 : DASTAGIR BIN V K MOHD YASSIN - 620423075563
NO.273-H LORONG TAMPIN,
JALAN PERAK, 10150 PULAU PINANG.

No Akaun : 10648
Peminjam : NURUL SAHADA BINTI MOHAMAD NOR - 860103075276
NO.26 JALAN BUNGA KEKWA 2/12, SEKSYEN 2, 40000 SHAH ALAM
Penjamin 1 : KHAIRUN BIN MOHAMAD NOR - 760211086193
187 KM 4, PERSIARAN HAMZAH ALANG,
MERU, 42200 KAPAR, SELANGOR.
Penjamin 2 : FADZILAH BINTI TOHA - 780425105204
187 KM 4, PERSIARAN HAMZAH ALANG,
MERU 42200 KAPAR, SELANGOR.

# TAWARAN PENGECUALIAN FAEDAH BAGI SEMUA PEMINJAM PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

## Mulai 1 September 2012 hingga 31 Disember 2012

**Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan pengecualian faedah bagi peminjam-peminjam yang bersetuju menyelesaikan keseluruhan baki pinjaman atau tunggakan pinjaman secara sekaligus (Lump Sum).**

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut sila hubungi Pentadbiran ini seperti di bawah :**

**Alamat**

Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

**Telefon**
04-6505165 / 5391 / 5599 / 5627

**Faks**
04-2613453

**Emel**
farahhanim@penang.gov.my
rizalazli@penang.gov.my
roos@penang.gov.my

# Tokoh industri perkilangan dinobat gelaran Datuk

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas memperkenan menganugerahkan pingat kehormatan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Datuk kepada dua tokoh industri perkilangan di Anjung Mutiara di sini baru-baru ini.

Presiden Agilent Technologies Malaysia & Singapura (Agilent), Datuk Gooi Soon Chai adalah antara penerima yang menerima anugerah kehormat berkenaan. Turut menerima, Pengerusi Lembaga Eksekutif *B. Braun*, Datuk Heinz Walter Grobe.

Soon Chai yang mula menyertai Agilent pada 1985 adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda (kehormat kelas pertama) dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari Universiti London dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer dari Kolej Imperial London.

Beliau bertanggungjawab dalam memenuhi pasaran dan rantaian bekalan dengan memimpin rantaian operasi di semua kumpulan perniagaan syarikat di dalam bidang elektronik pengukuran, analisis kimia, sains hayat serta genomik.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait.

Manakala, Heinz seorang pemegang Ijazah di dalam bidang Pengurusan Perniagaan mula melibatkan diri bersama-sama syarikat pembekal peralatan dan ubat-ubatan bertaraf dunia, *B. Braun* pada tahun 1978.

Pada April 2005, beliau dilantik sebagai Lembaga Eksekutif *B. Braun* Melsungen AG dan Naib Pengerusi dari tahun 2009 hingga 2011.



**HEINZ Walter Grobe (kiri) dan Gooi Soon Chai masing-masing mengucapkan tahniah di atas penganugerahan pingat DSPN yang membawa gelaran Datuk di Anjung Mutiara di sini baru-baru ini.**

# Negeri hab cenderahati utara

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang ketika ini merupakan hab utama pasaran cenderahati bagi negeri-negeri di kawasan utara dan mempunyai potensi menjadi hab kedua sebagai pengeluar serta pembekal barangan cenderahati dan hadiah selepas Kuala Lumpur.

Presiden Persatuan Usahawan Cenderahati dan Hadiah Malaysia (MGPA), Alan Ong berkata, industri tersebut semakin berkembang dan mendapat permintaan.

"Industri ini bukan saja menjadi salah satu sektor yang penting dalam ekonomi Malaysia, tetapi menyediakan banyak peluang pekerjaan dan kelebihan terutama dalam segi reka cipta serta kreativiti pereka-pereka muda dalam menghasilkan produk-produk cenderahati menepati kehendak semasa pasaran.

"Bagi meneroka dan menjadikan Asia Tenggara sebuah destinasi popular cenderahati, MGPA turut bekerjasama dengan rakan perniagaan di Thailand dan Singapura," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Pelancaran Pameran Cenderahati, Hadiah dan Barangan Pejabat Pulau Pinang 2012 buat tahun kedua di Kompleks Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) di sini baru-baru ini.

Pameran tersebut berjaya menarik lebih 70 syarikat pembekal dan pengedar dari seluruh negara.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir merasmikan pameran tersebut berkata, pemacu utama pertumbuhan adalah modal insan, persekitaran perniagaan yang dinamik, mobiliti modal serta keterbukaan kepada perdagangan dan pelaburan langsung asing.

"Walau bagaimanapun, dalam industri ini, saya percaya ia bijak untuk mengeksploitasi dan menggunakan sepenuhnya bahan-bahan tempatan serta bakat manusia untuk menghasil dan menampilkan hadiah lebih kreatif serta inovatif.

"Kerajaan juga perlu memainkan peranan dengan mewujudkan platform bagi Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS) untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan di pentas dunia, pada masa yang sama, menawarkan bantuan fisikal yang terdiri daripada geran pinjaman mudah," ujarnya.

Hadir sama, Pengarah Urusan Penexpo Events Sdn. Bhd., Francis Wong.



**SALAH seorang pengunjung sedang memilih barangan jualan pada Majlis Pelancaran Pameran Cenderahati, Hadiah dan Barangan Pejabat Pulau Pinang 2012 di PISA di sini baru-baru ini.**



# Kunjungan hormat intai potensi kerjasama

**KUNJUNGAN HORMAT.....** DUTA Sepanyol ke Malaysia, H.E. Maria Bassols Delgado mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Komtar baru-baru ini di sini.

Kunjungan hormat pertama kali tersebut bertujuan untuk merapatkan hubungan antara dua pihak.

Turut dibincangkan adalah potensi kerjasama erat di antara Pulau Pinang bersama Sepanyol di dalam bidang ekonomi serta sains.

**MARIA Bassols Delgado (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Ketua Menteri ketika kunjungan hormat beliau ke Pejabat Ketua Menteri di Komtar baru-baru ini.**

# Semangat bersihkan Persiaran Gurney




**GOYONG-ROYONG...** Hampir 100 sukarelawan lengkap melaksanakan gotong-royong membersihkan persisiran pantai di sepanjang Persiaran Gurney, George Town baru-baru ini ke arah merealisasikan kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Program 'Jom Bersih Gurney' tersebut adalah anjuran bersama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dengan partisipasi beberapa pihak korporat.

Rata-rata sukarelawan lengkap dengan baju T merah jambu, masing-masing dilihat mengutip sampah-sarap serta selut yang mencemar persekitaran pantai.

Inisiatif itu sekaligus menyerlahkan partisipasi rakyat dalam memelihara dan memulihara pantai di negeri berkenaan.

**SEBAHAGIAN sukarelawan mengutip sampah-sarap di sepanjang pantai Persiaran Gurney bersempena penganjuran 'Jom Bersih Gurney' di sini baru-baru ini.**

## Keputusan Kempen Tandas Bersih Peringkat Negeri 2012 MPSP

Senarai tandas-tandas yang menerima taraf lima bintang :

**KATEGORI PASARAYA**

**1.SUNWAY CARNIVAL MALL**
Markah : **96%** Bintang : 5

**2. AEON SEBERANG PERAI CITY SHOPPING CENTRE**
Markah : **94%** Bintang : 5

**3. TESCO ALMA**
Markah : **93%** Bintang : 5

**KATEGORI STESEN MINYAK**

**1.LUCKY SERVICE STATION (MOBIL)**
Jalan Bagan Luar Butterworth.
Markah : **95%** Bintang : 5

**2. SPM BERTAM HOLDING (SHELL)**
Jalan Bertam Kepala Batas.
Markah : 92% Bintang : 5

**3. ISM RETAIL (ESSO)**
Lot 6155, KM 141, Hentian Juru, Arah Selatan.
Markah : **91%** Bintang : 5

**KATEGORI RESTORAN**

**1. WONDERFULL SRI MAHASRI RESTAURANT**
Jalan Besar, Taman Simpang Ampat.
Markah : **96%** Bintang : 5

**2. TAMBUN GARDEN RESTAURANT**
Lot 449, Jalan Seri Tambun 1, Taman Seri Tambun, Bukit Tambun.
14100 Simpang Ampat
Markah : **94%** Bintang : 5

**3. 7 VILLAGE NOODLE HOUSE BUKIT TENGAH**
Bukit Tengah.
Markah : **92%** Bintang : 5

**KATEGORI KEDAI MAKANAN DAN KOPI**

**1. JK FOOD COURT**
No. 4,6,8,10, Lorong Kg Baru 1, Off Jalan Kulim, 14000 Bukit Mertajam.
Markah : **95%** Bintang : 5

**2. MAN CAFÉ**
Jalan Permatang Pauh
Markah : **93%** Bintang : 5

**3. SEW VIEW KOPITIAM FOOD COURT**
Taman Chai Leng, Perai.
Markah : **91%** Bintang : 5

**KATEGORI KOMPLEKS MAKANAN/PASAR AWAM MPSP**

**1.PASAR AWAM MPSP TASEK GELUGOR**
Markah : **80%** Bintang : 3

**2. PASAR AWAM MPSP BUKIT PANCHOR**
Markah : **77%** Bintang : 3

**3. PASAR AWAM MPSP BAGAN AJAM**
Markah : **71%** Bintang : 3

**KATEGORI PEJABAT KERAJAAN**

**1. KLINIK KESIHATAN TASEK GELUGOR TASEK GELUGOR.**
Markah : **96%** Bintang : 5

**2. PEJABAT KWSP**
Seberang JAYA.
Markah : **92.97%** Bintang : 5

**3. MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**
Bandar Perda Bukit Mertajam.
Markah : **92.19%** Bintang : 5

**KATEGORI SEKOLAH MENENGAH**

**1. SMK Gemilang**
**2.SMK Convent Bukit Mertajam**
**3. SMK Union**

**KATEGORI SEKOLAH RENDAH**

**1. SK Sri Sentosa**
**2. SJKT Perempuan**
**3. SK Permai Indah Bukit Mertajam**

**(Senarai pemenang MPPP di keluaran akan datang)**






# Sokongan pelbagai pihak jayakan *Penang Beach Carnival*




**PARA peserta larian pantai bersemangat memulakan larian bersempena penganjuran *Penang Beach Carnival* di sini baru-baru ini.**

**BATU FERINGGHI –** Sokongan padu dan tajaan pihak swasta berjaya menarik kira-kira 2,000 peserta untuk mengambil bahagian dalam penganjuran *Penang Beach Carnival* bertemakan 'Ke Arah Komuniti Harmoni' yang diadakan buat tahun keempat di sini baru-baru ini.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi dalam pada itu mengucapkan ribuan terima kasih kepada jabatan-jabatan kerajaan dan swasta yang terlibat dalam menjayakan acara berkenaan.

''Terima kasih juga kepada penaja seperti *Eastin Hotel, Sunquick, Guang Ming Daily, Rasa Sayang Resort and Spa Hotel* dan *Golden Sands Resorts* atas tajaan masing-masing,'' katanya pada Majlis Penutup *Penang Beach Carnival* di sini baru-baru ini.

Bersempena penganjuran tersebut, sebanyak 26 acara telah diadakan. Antaranya, larian 8 kilometer, memancing, fotografi, bola tampar pantai, futsal, bina badan, sukan tradisional, pertandingan mewarna, seni inai, pertandingan memasak, tarian tradisional, pertandingan kostum dan pelbagai lagi.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail.

# Futsal persahabatan seri dua sama



**PARA pemain kedua-dua pasukan bergambar kenang-kenangan selepas tamat Perlawanan Futsal Persahabatan antara Kerajaan Negeri dan delegasi EU di sini baru-baru ini.**

**ERAT PERSAHABATAN...** Bagi mengeratkan hubungan dua hala antara Kerajaan Negeri dan Kesatuan Eropah (EU), satu perlawanan Futsal Persahabatan telah berlangsung di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Perlawanan yang berkesudahan dengan keputusan seri dua sama itu berlangsung hebat dengan kedua-dua pasukan saling membalas serangan dalam permainan agak seimbang.

Paling mencuri tumpuan adalah jaringan gol Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain. Turut mewakili pasukan Kerajan Negeri adalah Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang.

Sejurus tamat perlawanan, para delegasi EU turut dijemput Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Ong Kok Fooi untuk menikmati jamuan durian yang dibawa khas dari Balik Pulau.

# *Penang Mountain Bike Jamboree 2012* terus diminati




**PARA peserta memulakan kayuhan acara *Penang Mountain Bike Jamboree 2012* di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Setelah 10 tahun, perlumbaan *Penang Mountain Bike Jamboree 2012 anjuran Samurai Roundtable Bicycle Club* terus memperoleh sambutan menggalakkan daripada peserta profesional serata dunia dengan pembabitan seramai 1,561 peserta di sini baru-baru ini.

Selain peserta tempatan dari Sabah dan Sarawak, turut diterima adalah penyertaan dari Belanda, Britain dan Singapura.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi berkata, acara tersebut memperlihatkan kayuhan merentas desa sejauh 55 kilometer.

"Laluan dilalui menjanjikan satu cabaran getir yang pastinya menguji mental dan fizikal para peserta.

"Sambutan penganjuran adalah amat menggalakkan apabila seramai 1,561 peserta berentap berbanding 1,478 pada tahun lalu,'' katanya pada Majlis Pelepasan Peserta *Penang Mountain Bike Jamboree 2012* di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Lydia turut berikrar bahawa Kerajaan Negeri akan membantu dalam melaksanakan program tersebut seperti tahun-tahun sebelum ini.

"Kerajaan Negeri akan membantu dalam aspek diperlukan bagi menjamin kelangsungan acara ini secara berterusan,'' ujarnya sambil menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah menyumbang sebanyak RM2,000 dalam memantapkan penganjuran acara berkenaan.


PRODUK kraftangan menggunakan bahan kitar semula.


BAHAN-bahan penyediaan kuih karipap dan kerepek daun bayam.

# Minat & sabar dorong Saijah ceburi pelbagai bidang perniagaan

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **IDZHAM AHMAD**

**ORANGNYA** pemalu, namun, apabila melihat ketangkasan beliau berkerja, semua akan terpegun.

Setelah 17 tahun menabur khidmat dalam industri perkilangan, ibu tunggal, Saijah Shariff, 59, memutuskan untuk berhenti dan mengambilalih warung kecil-kecilan arwah bapanya yang terletak di hadapan kediaman beliau di Jalan Imam Hj. Harun, Kampung Titi Teras, Balik Pulau.

Perniagaan kecil-kecilan yang dijalankan berteraskan minat Saijah dalam bidang masakan membuahkan hasil apabila beliau mula menerima tempahan kuih-muih jualannya.

Paling istimewa adalah kuih karipap pusing beliau yang begitu ranggup, rata dan comel sekali.

"Goreng karipap ada caranya. Api tidak boleh terlalu kuat sebab nanti karipap akan naik gelembung dan isinya jadi liat macam tak masak.

"Pada masa sama, api juga tidak boleh terlalu perlahan sebab nanti karipap yang digoreng makan minyak,'' jelas Saijah ketika ditemui Buletin Mutiara (BM) di sini baru-baru ini.

Menurut Saijah yang dikurniakan tiga cahaya mata, beliau mula meminati bidang masakan terutamanya dalam pembuatan kuih ketika bekerja sebagai pembantu rumah pada usia 17 tahun.

"Saya akan tengok tuan rumah tempat saya bekerja masak dan lepas tu balik belajar sendiri.

"Untuk kuih karipap, saya cuba buat dua kali baru betul-betul menjadi. Ketika itu, memang seronok dan menambahkan lagi minat saya dalam bidang ini,'' ujarnya sambil menghidangkan kuih karipap yang telah siap digoreng.

Selain karipap, Saijah turut mahir dalam pembuatan pelbagai jenis kuih-muih lain berdasarkan tempahan harian. Ini termasuk kuih-muih basah, kering serta tradisional seperti muruku, cakar ayam dan lain-lain. Malah, beliau turut memenuhi tempahan kuih menjelang musim perayaan.

Selain kuih karipap, produk beliau yang turut menjadi pemintaan tinggi adalah kerepek daun bayam.

Berlainan yang terdapat di pasaran, kerepek beliau adalah tidak berminyak dengan tepung kehitam-hitaman. Sebaliknya, ranggup, sedap dan tepung gorengnya adalah berwarna keputihan dengan sedikit keperang-perangan.

"Cabaran membuat kerepek daun bayam adalah dalam mendapatkan bekalannya.

"Ini kerana, amat susah untuk mendapat daun-daun bayam yang besar dan segar. Sekiranya tiada bekalan, saya terpaksa memberhentikan pengeluaran produk kerana daun bayam yang kecil bukan hanya melambatkan proses menggoreng, malah, ia akan berlipat dan jadi tidak cantik,'' ujar beliau yang turut arif dalam bidang mengurut.

Sikap Saijah yang ingin terus meningkatkan keupayaan diri turut mempengaruhi beliau menceburi bidang kraftangan sejak dua tahun lalu.

Antara produk yang dihasilkan adalah gubahan bakul-bakul untuk hantaran perkahwinan.

Uniknya, gubahan tersebut adalah menggunakan kertas kitar semula seperti suratkhabar.

"Bidang kraftangan adalah tidak susah. Cuma kena kreatif dalam corak serta seni bentuk rekaan,'' tambahnya yang kini memiliki lima orang cucu.

Bagi Saijah yang mempunyai rancangan untuk memperluaskan pasaran produknya tidak menafikan bahawa kesabaran dan minat adalah faktor terpenting untuk berjaya dalam sesuatu bidang.

"Bagi Akak, semua pun Akak nak buat, cuma takde masa dan tak cukup tangan sahaja.

"Semua Akak buat sendiri tanpa dibantu oleh sesiapa kecuali ketika banyak tempahan, adik datang membantu,'' kata Saijah yang turut menghasilkan produk karipap sejuk beku kini.


KEREPEK daun bayam yang turut menjadi permintaan ramai.


SAIJAH Shariff membungkus kerepek daun bayam yang telah siap digoreng.

*INFO :*
**SAIJAH SHARIFF**
**554-A, MK E, Titi Teras,**
**Balik Pulau.**
**Tel. : 017 – 459 0722**

# Ilmu jahit ubah nasib ibu tunggal - Sarifah



SARIFAH Mohd. Idris (tengah).

**BERMULA** dengan hobi, akhirnya bakat menjahit dijadikan bekalan untuk mereputasi potensi kaum ibu tunggal membela hidup masing-masing.

Beliau percaya, Allah memberi kudrat dan peluang kepada semua manusia untuk mengubah nasib masing-masing.

Tinggal diri kita masing-masing sahaja, sama ada mahu merebut peluang dengan kudrat yang ada bagi mengubah hidup masing-masing.

Justeru, rancangan Zakat Pulau Pinang di bawah Unit Ekonomi dan Operasi Bengkel membuka bengkel jahit khusus untuk ibu tunggal bermula pada tahun 2005 tidak disia-siakan.

Sarifah Mohd. Idris, 31, berkata, tugas sebagai cikgu jahit serta penyelia bengkel tersebut banyak mengajarnya erti hidup adalah berkongsi ilmu.

"Pada mulanya, saya memang susa-suka sebab minat menjahit, tetapi, lama-lama timbul perasaan untuk membantu kawan-kawan (ibu tunggal).

"Walaupun saya pernah kerja dengan gaji yang lumayan di tempat lain, tetapi, saya rasa kerja di sini lebih sesuai dengan jiwa saya," ujar beliau semasa diwawancara oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini.

Kini, di bawah seliaannya, terdapat hampir 10 ibu tunggal dalam latihan.

Saban hari, golongan ibu tunggal ini akan didedah mengenai teknik menjahit pakaian secara komersial.

"Macam mana kilang memproses dan mengeluarkan pakaian, amalan itu diamalkan di sini secara berperingkat dan komersial.

"Memang cita-cita kita di sini adalah melahirkan ibu tunggal yang berkemahiran (menjahit) kerana dengan kemahiran ini, mereka boleh buka kedai jahit atau mengambil upah menjahit dari rumah suatu hari nanti," ujar beliau.

Menurut beliau, terdapat kira-kira enam bengkel menjahit pakaian membabitkan ibu tunggal di bawah kendalian Zakat Pulau Pinang.

Beliau berkata, bengkel kendaliannya yang beroperasi di rumah kedai Taman Gelugor Indah, Tasek Gelugor merupakan bengkel ketiga ditubuhkan oleh Zakat Pulau Pinang.

### BUDAYA KERJA

Selari dengan hasrat Zakat Pulau Pinang mahu membela nasib ibu tunggal, Sarifah berkata, pengurusan bengkel cuba sebaik mungkin untuk mesra dengan realiti ibu tunggal sendiri.

"Semua kita tahu bahawa ibu tunggal ada banyak tanggungjawab. Mereka adalah 'ayah' dan ibu kepada anak-anak mereka.

"Mereka kena cari rezeki untuk keluarga, mereka kena hantar dan jemput anak dari sekolah. Mereka kena urus makan dan minum anak-anak.

"Jadi, pengurusan di sini cuba sebaik mungkin fleksibal dengan ambil kira semua tanggungjawab pekerja yang berstatus ibu tunggal.

"Zakat Pulau Pinang sasar mudah, bengkel ini mesti menghasilkan seragam sekolah diperlukan oleh mereka dan kita cuba capai sasaran itu dengan pengurusan yang fleksibel ini," ujar beliau.

Menurut beliau, sehingga November lepas, lebih 10,000 pasang pakaian seragam sekolah berjaya dihasilkan saban tahun.

"Buat masa ini, kami hentikan operasi menjahit pakaian sekolah kerana pakaian yang diperlukan (untuk tahun depan) sudah cukup.

"Buat masa sekarang, semua pakaian yang dijahit tidak dijual secara komersial, tetapi, dikembalikan kepada Zakat Pulau Pinang untuk diagihkan kepada mereka yang layak," ujar beliau.

### CABARAN

Sarifah berkata, beliau menganggap semua ibu tunggal di bawah seliaannya sebagai adik-beradik.

Justeru, beliau berkata, setiap anggota keluarga di sini memerlukan motivasi bekerja.

"Sebenarnya, hidup kita hari-hari boleh lancar sebab ada motivasi. Tak kiralah motivasi itu lahir dari dalam diri atau datang dari pengaruh luar.

"Ibu-ibu tunggal di sini pun selalu diberi motivasi. Selalu saya kata, 'Allah tak ubah nasib kita melainkan kita sendiri berusaha mengubahnya'. Itu al-Quran yang kata.

"Dengan motivasi-motivasi sebeginilah menjadikan hampir semua cabaran yang wujud di bengkel ini boleh diselesaikan. Alhamdulillah," ujar beliau.

Syarifah yang merupakan ibu kepada tiga anak tersebut mengakui bahawa sokongan suami tercinta banyak memberi kekuatan untuk beliau mengharungi cabaran menyelia bengkel jahitan membabitkan ibu tunggal.

### HARAPAN

Sarifah tersenyum apabila ditanya mengenai keinginan untuk membuka pusat jahitan secara komersial seperti tenaga mahir di luar sana.

Beliau berkata, beliau ada mengambil upah menjahit secara kecil-kecilan di rumah kerana tidak mahu hilang fokus dalam mereputasi potensi ibu-ibu tunggal di bengkel buat masa ini.

"Ada juga berminat untuk macam (buka perniagaan atau butik) itu, tetapi, buat masa ini biarlah saya tumpu pada kerja.

"Saya sedar, sebenarnya bengkel ini diwujudkan oleh Zakat Pulau Pinang supaya membantu asnaf daripada menerima zakat kepada pengeluar zakat.

"Di sinilah, saya berasa ada tanggungjawab yang besar untuk membantu ummah. Erti hidup ini kan memberi, jadi, saya cuba berkongsi ilmu ini (menjahit) dengan ibu-ibu tunggal di sini.

"Kepada ibu tunggal di luar sana, perlu berjuang untuk diri dan anak-anak masing-masing. Kita semua perlu bekerja dan jangan malas.

"Tuhan pun ada kata di dalam al-Quran bahawa Dia tidak akan mengubah nasib satu-satu kaum sehinggalah mereka sendiri yang mengubah nasib masing-masing," ujar beliau sambil merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Zakat Pulau Pinang kerana cakna dengan nasib ibu tunggal di negeri berkenaan.



SARIFAH Mohd. Idris (paling kiri) sedang memberi tunjuk ajar kepada pelatih ibu tunggal mengenai teknik menjahit pakaian secara komersial sambil diperhatikan pegawai Zakat Pulau Pinang (paling kanan).

# MPPP terpilih sebagai tuan rumah TPO FAM 2013

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Di atas kejayaan menganjurkan 5th *Tourism Promotion Organisation (TPO) Forum 2012* September lalu, sekali lagi, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dipilih sebagai tuan rumah penganjuran *TPO for Asia Pacific Familiarisation (TPO FAM)* pada Jun 2013 di sini baru-baru ini.

Yang Dipertua Majlis, Datuk Ar. Patahiyah Ismail semasa mengumumkan perkara tersebut berkata, sekretariat TPO di Busan, Korea berbincang dan memilih MPPP buat kedua kalinya sebagai destinasi penganjuran TPO FAM yang akan datang.

"Pihak Majlis akan berbincang lebih lanjut dengan sekretariat TPO mengenai tarikh penganjuran dan program-program yang bakal menyerikan TPO FAM nanti," ujarnya ketika Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Bandar Persahabatan Antara MPPP dan Bandar Changwon, Korea Selatan di Dewan Bandaran, baru-baru ini di sini.

Majlis yang sama turut menyaksikan termeterainya perjanjian antara Patahiyah mewakili MPPP dan Datuk Bandar Changwon, Park Wan Su.

Hadir sama, Pengarah Rekreasi, Pelancongan Dan Perhubungan Antarabangsa, Mohamed Akbar Mustapha, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MPPP.




**PATAHIYAH Ismail (depan, bertudung kuning) dan Park Wan Su (depan, kanan sekali) menunjukkan Memorandum Persefahaman Bandar Persabahatan Antara MPPP dan Bandar Changwon yang ditandatangani di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Patahiyah berkata, memorandum tersebut merupakan aspek penting di dalam proses menukar pengalaman dan ilmu di antara kedua-dua bandar.

"Ia adalah amat bermakna kerana melalui memorandum yang telah termeterai, kedua-dua bandar bakal bertukar pengalaman dari segi pentadbiran awam, pelancongan, pelajaran, seni dan budaya," ujarnya.

---

## Henti fitnah MPPP tidak selenggara jalan persekutuan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), L. Prem Anand baru-baru ini mendedahkan nama syarikat lantikan kerajaan pusat yang didakwa gagal menyelenggara beberapa jalan bandaran di Pulau Pinang sehingga memburukkan imej Kerajaan Negeri.

Semasa membentangkan usul dalam mesyuarat penuh majlis baru-baru ini, beliau berkata, penyelenggaraan jalan dari Bulatan Gelugor ke Tanjung Tokong melalui Bayan Lepas, Teluk Kumbar, Batu Feringghi dan Tanjong Bunga adalah di bawah tanggungjawab Syarikat Belati Wangsa.

Menurut beliau, Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dari Queensbay ke Batu Maung pun di bawah syarikat tersebut.

"Syarikat (Belati Wangsa) ini adalah anak syarikat Johawaki Holdings yang memiliki saham sebanyak 91 peratus.

"(Syarikat lantikan) kerajaan persekutuan ini menyelenggara *'Route 6'* yang juga dikenali sebagai 'jalan persekutuan'.

"Pelbagai aduan diterima MPPP, kes kemalangan jiwa kerap berlaku di jalan-jalan tersebut sehingga ada pihak sengaja mempolitikkan isu ini dengan memberikan gambaran palsu kononnya Kerajaan Negeri dan MPPP yang bertanggungjawab ke atas imej-imej negatif demikian," ujar beliau di dewan mesyuarat di sini baru-baru ini.



**L. Prem Anand.**

Malah, beliau mendakwa, pihak pembangkang Pulau Pinang turut memberi gambaran tidak benar di sebalik isu tersebut.

Sebelum pada itu, Prem Anand berkata, kerja-kerja syarikat penyelenggaraan jalan antara lain adalah menyelenggara jalan, menampal lubang jalan, meratakan bahu jalan, memotong rumput, memeriksa keadaan fizikal jalan secara berjadual dan sebagainya.

Tuntas dari itu, beliau berkata, rakyat diharap supaya tidak terpengaruh oleh berita tidak sahih yang diada-adakan oleh pembangkang di negeri berkenaan.

## Negeri tuan rumah Mesyuarat 251 Pegawai Penilaian PBT Malaysia

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM -** Pulau Pinang baru-baru ini menjadi tuan rumah bagi mesyuarat 251 Pegawai Penilaian PBT Malaysia Ke-15.

Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif berkata, pihaknya berbesar hati kerana Ibu Pejabat Kompleks MPSP, Bandar Perda, di sini dipilih sebagai lokasi permukiman program tahunan peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut, termasuk dari Sabah dan Sarawak.

"Kehadiran ini membuktikan komitmen dan iltizam yang tinggi terhadap tanggungjawab dan peranan kita dalam organisasi yang dianggotai," ujar beliau di sini.

Beliau berharap, permukiman selama tiga hari itu bermula pada 26 November lepas itu mampu menggarap manfaat serta idea baru dalam kalangan peserta demi kepentingan rakyat terbanyak di kawasan masing-masing.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Majlis bagi MPSP), Abdul Wahab Abdullah (Pengerusi Persatuan Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan merangkap Pengarah Penilaian bagi Majlis Perbandaran Kuantan) turut hadir pada majlis perasmian itu.

Difahamkan, sebanyak empat kertas kerja dibentangkan dalam program yang mengangkat tema "Ke Arah Memperkasa Pendapatan PBT Melalui Profesion Penilaian" itu.



**MAINUMAH Mohd. Sharif.**

Maimunah turut berkongsi 7 Fokus MPSP 2012 bertemakan 'Kemampanan Dalam Komitmen Kami' seperti berikut:

Fokus 1: Pembersihan dan Kehijauan;

Fokus 2: Mewujudkan Ek-Komuniti;

Fokus 3: Perancangan dan Pembangunan;

Fokus 4: Penguatkuasaan;

Fokus 5: Peningkatan Hasil dan Penjimatan Kos;

Fokus 6: Penyertaan Komuniti Dalam Pengurusan Fiskal; dan

Fokus 7: Pembinaan Kapasiti Modal Insan.

# Garis panduan pasang bendera parti dikuatkuasa



ONG Ah Teong.

**GEORGE TOWN –** Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini memutuskan untuk menguatkuasakan dengan serta-merta garis panduan pemasangan bendera parti politik di Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Barat Daya (DBD) di sini.

Pengerusinya, Ong Ah Teong berkata, setiap permohonan perlu dihantar selewat-lewatnya tiga hari sebelum pemasangan bendera di lokasi dengan bayaran deposit sebanyak RM150 untuk 100 unit bendera dan seterusnya mengikut kadar yang telah ditetapkan.

"Wang deposit akan dirampas tanpa sebarang pemberitahuan sekiranya bendera tidak diturunkan dalam tempoh dua hari selepas program dijalankan. Lanjutan itu, penalti RM10 untuk setiap unit bendera bakal dikenakan pihak MPPP yang terpaksa menurun serta merampas bendera-bendera berkenaan.

"Bendera-bendera yang dirampas akan diberikan semula berserta denda RM50 sehari bagi tujuan penyimpanan selepas tarikh ianya dirampas. Tempoh penyimpanan hanya dihadkan kepada dua minggu, sekiranya tidak dituntut, ia (bendera-bendera) akan dilupuskan," katanya pada satu sidang media selepas tamatnya Mesyuarat Biasa Majlis MPPP di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama baru-baru ini di sini.

Menurut Ah Teong, garis panduan tersebut diwujudkan sebagai satu cara pengawalan pemasangan bendera parti politik supaya ia lebih teratur, tidak menimbulkan gangguan dan menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya.

"Garis panduan ini diwujudkan kerana sebelum ini, pemasangan bendera parti-parti politik dipasang sewenang-wenangnya tanpa kawalan sehingga mencacatkan pandangan dan nilai estatika, tidak mematuhi syarat-syarat sewajarnya serta tiada had tempoh untuk menurunkan selepas sesuatu acara.," ujarnya.

Tambahnya, peraturan tersebut akan digunapakai oleh mana-mana parti politik sama ada parti pemerintah, pembangkang, parti bebas dan lain-lain berkenaan untuk tujuan mengadakan acara, sambutan ataupun ketibaan orang-orang kenamaan.




PATRICK Khoo (kiri sekali) bersama Addnan Mohd. Razali (tengah) dan Roslan Ramly menunjukkan sijil penghargaan Anugerah Penyediaan Laluan Berbasikal Terbaik HBPS peringkat kebangsaan yang diterima baru-baru ini.

## Komitmen sedia laluan basikal diiktiraf kali kedua

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Komitmen Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) memperbanyakkan laluan basikal di sini membolehkan pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit merangkul Anugerah Penyediaan Laluan Berbasikal Terbaik sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HBPS) Peringkat Kebangsaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan buat dua tahun berturut-turut baru-baru ini.

Dengan pengiktirafan berkenaan, ia melayakkan MPPP membawa pulang sijil penghargaan berserta wang tunai bernilai RM5,000.

Pengarah Korporatnya, Patrick Khoo berkata, anugerah tersebut merupakan pengiktirafan diterima Majlis dalam menjadikan Pulau Pinang Bersih dan Hijau dengan memperbanyakkan laluan berbasikal serta mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor bagi jarak selesa.

"Kemenangan ini merupakan satu pengiktirafan kepada semua usaha-usaha yang dilakukan MPPP.

"Ia memberikan satu impak positif dalam usaha membina dan memajukan perbandaran yang lebih hijau dan selamat dihuni," ujarnya pada satu sidang akhbar di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Kejuruteraan, Addnan Mohd. Razali dan Timbalan Pengarah Perancangan Pembangunan, Roslan Ramly.

Menurut Patrick, dengan tema 'Bandar Hijau, Komuniti Bahagia', fokus telah diberikan kepada peranan perancang sesebuah bandar bagi mengaplikasikan dan memperkasakan teknologi hijau dalam merancang perbandaran.

"Terdapat lima kategori pelaksanaan inisiatif kejiranan hijau dipertandingkan termasuk penyediaan laluan basikal, penyediaan laluan pejalan kaki, pengumpulan dan penggunaan semula air hujan, pengkomposan sisa dan kebun kejiranan," ujarnya.

## *Treasure Hunt 2012* eratkan pekerja




MAIMUNAH Mohd. Sharif (tiga dari kanan) melepaskan kereta peserta *Treasure Hunt 2012* di Bangunan MPSP Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BUKIT MERTAJAM –** Kumpulan dari Pantai Kamloon, Kepala Batas berjaya membawa pulang hadiah bernilai RM1,500 apabila berjaya menjuarai *Treasure Hunt 2012* anjuran Persatuan Kebajikan Sukan dan Sosial (PESUKA) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini baru-baru ini.

Antara ahli kumpulan yang menganggotai pasukan tersebut ialah Abdullah Hamid, Fauziah Md. Arshad, Mohd. Aiman Afifi Abdullah dan Ahmad Faris Najmi Ahmad Nazri.

Secara keseluruhan, sebanyak 57 kumpulan berkereta mengambil bahagian dalam acara tahunan yang dianjurkan sebagai satu wadah bersantai dan juga bagi mengeratkan hubungan dalam kalangan warga pekerja serta keluarga masing-masing.

Perlepasan para peserta disempurnakan Yang DiPertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif di bangunan ibu pejabat MPSP, Bandar Perda di sini dan titik penamat adalah di *Taiping Golf Resort* dengan jarak keseluruhan 112 kilometer.

# Program Culaan KADUN dapat sambutan positif



ASROL Sani Abd. Razak (tiga dari kanan) mengadakan perbincangan dengan para petugas Program Culaan dan Penerangan KADUN Bertam di sini baru-baru ini.

**BERTAM –** Program Culaan dan Penerangan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bertam yang dijalankan saban minggu oleh Pusat Khidmat KADUN Bertam adalah bagi mengenalpasti dan mengumpul data serta lokaliti pilihanraya.

Menurut Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Bertam, Asrol Sani Abd. Razak, program culaan yang dijalankan adalah melangkaui kawasan sekitar termasuk beberapa siri culaan secara bersama PPK Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad dan PPK Telok Air Tawar, Salehin Mohamed.

"Hasilnya amat memberangsangkan dengan sokongan penduduk setempat dan sambutan amat baik terutama ketika culaan dijalankan.

"Apa yang menarik adalah status daftar pemilih penduduk, hanya segelintir penduduk yang masih belum mendaftar sebagai pemilih.

"Mereka yang belum mendaftar mempunyai kesensitifan terhadap proses pilihanraya yang sangat minimal dan culaan ini amat membantu bagi mendapat jumlah sebenar daftar pemilih di kawasan Bertam ini," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambah Asrol Sani, kumpulan gerak kerja beliau melakukan culaan bergerak setiap minggu dan sejak awal tahun meliputi hampir semua kawasan di KADUN Bertam.

Program Culaan dan Penerangan bagi November lalu telah dijalankan di Permatang Kuala, Permatang Bertam dan Jalan Datuk Haji Ahmad Badawi di sini.

# 50 kanak-kanak dalam majlis khatan Tanjong

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Seramai 50 kanak-kanak berusia antara 5 hingga 12 tahun dari Parlimen Tanjong menyertai majlis berkhatan beramai-ramai anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Parlimen dan Pusat Khidmat Ahli Parlimen Tanjong di sini baru-baru ini.

Sempena majlis tersebut, kanak-kanak terlibat dimandikan menggunakan semburan air oleh pasukan Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai.

Ahli Parlimen Tanjong, Chow Kon Yeow berkata, pihaknya memperuntukkan sejumlah RM4,000 untuk melaksanakan program berkhatan tersebut di Masjid Alimsah Waley, Lebuh Chulia.

"Program kali ini mendapat sambutan amat baik dan di luar jangka apabila 50 kanak-kanak terlibat serta.

"Setiap kanak-kanak turut diberikan cenderahati," katanya pada Majlis Pelancaran Majlis Berkhatan Beramai-ramai Parlimen Tanjong di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Pengerusi Qaryah Masjid, Idris Abdul Salam serta ibu bapa yang turut memberi semangat kepada kanak-kanak yang bakal dikhatankan.

Abdul Malik dalam pada itu berkata, program berkenaan bakal memberi kenangan manis kepada kanak-kanak terlibat sekaligus membangkitkan nostalgia adat berkhatan zaman dahulu kala.




**AKSI kanak-kanak ketika terkena semburan air pada Majlis Berkhatan Beramai-ramai Parlimen Tanjong di sini baru-baru ini.**

## Warga emas terima sumbangan kerusi roda



**PINANG TUNGGAL –** Seorang warga emas yang lumpuh separuh badan, Ishah Rejab, 82, menerima sumbangan kerusi roda daripada Ahli Lembaga Pengarah Pusat Urus Zakat (PUZ), Ir. Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman baru-baru ini.

Ishah yang menetap di Kampung Paya Keladi, di sini lumpuh sejak bebarapa tahun lalu ekoran serangan angin ahmar kini mampu bergerak dengan bantuan kerusi roda disumbangkan.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad yang turut hadir pada majlis penyerahan sumbangan terbabit berharap bantuan disumbangkan dapat membantu Ishah yang selama ini banyak bergantung kepada anak-anaknya.

"Penyerahan kerusi roda ini juga diharap dapat meringankan sedikit bebanan yang ditanggung keluarganya, InshaAllah," kata Muhasdey ketika ditemui di sini baru-baru ini.

**MUHASDEY Muhamad (kanan sekali) dan Ir. Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman menyampaikan sumbangan kerusi roda kepada Ishah Rejab di sini baru-baru ini.**

# Gotong-royong bersih semak demi penduduk

**PENAGA –** Bertindak atas maklum balas penduduk, program gotong-royong bagi membersihkan kawasan semak yang dikhuatiri menjadi kediaman binatang berbisa di persimpangan Jalan Paya Cina di sini bakal diadakan dalam tempoh masa terdekat.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan (PPK) Penaga, Rosidi Hussain berkata, lanjutan daripada maklum balas diterima, beliau bersama Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Jaya (MPSP), Abdul Latif Abdullah telah mengadakan lawatan ke lokasi terbabit.

"Kita akan mengadakan gotong-royong bagi membersihkan kawasan semak di situ.

"Selain itu, kita juga akan menurunkan papan tanda yang dipercayai menghalang laluan di persimpangan tersebut bagi mengelakkan kejadian kemalangan," kata Rosidi kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.



**ROSIDI Hussain (dua dari kiri) bersama Abdul Latif Abdullah (tengah) meninjau persimpangan Jalan Paya Cina bersama beberapa penduduk setempat di sini baru-baru ini.**

# Mesin adun tepung untuk tingkat pendapatan ibu tunggal



**LIM Hock Seng (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan mesin pengadun tepung kepada Rohayati Mustaffa (tiga dari kiri) sambil ditemani Jusni Ismail (tiga dari kanan), Hakmal Effendi Ishak (dua dari kanan) dan kakitangan PTDSPU di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BUTTERWORTH –** Ibu tunggal, Rohayati Mustaffa amat berterima kasih dan bersyukur kepada Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara (PDTSPU) ekoran sumbangan sebuah mesin pengadun tepung bagi membolehkannya meningkatkan pendapatan keluarga.

Majlis sumbangan tersebut disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng di kediamannya di Lorong Cempa, di sini baru-baru ini.

Menurut Hock Seng, sumbangan disalurkan membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap rakyat berpendapatan rendah khususnya ibu tunggal untuk meningkatkan taraf hidup masing-masing.

"Semoga bantuan ini dapat digunakan sebaiknya dan memberi manfaat untuk memaksimumkan pengeluran produk yang diusahakan seperti kuih rempeyek dan dodol.

Hadir sama, Pegawai Daerah PDTSPU, Jusni Ismail; Ketua Penolong Pegawai Daerah PDTSPU, Hakmal Effendi Ishak dan pegawai PDTSPU.




**MOHD. Tuah Ismail (tengah) membuat tendangan bersempena penganjuran Karnival Bola Sepak di Masjid Daerah Balik Pulau di sini baru-baru ini.**

# Prasarana taman permainan perlu dijaga bersama

**PULAU BETONG –** Cabutan bertuah, acara jaringan gol dan perlawanan bola sepak jalanan *(street soccer)* yang diadakan sempena Karnival Bola Sepak di Masjid Daerah Balik Pulau, bukan sahaja menggamit penyertaan daripada para remaja, malah juga golongan kanak-kanak.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, karnival tersebut diadakan sempena merasmikan pembukaan taman permainan kanak-kanak hasil sumbangan PPK dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Mohd. Taufik Sulong.

"Taman permainan ini bukan sahaja akan memberi manfaat kepada kanak-kanak di sini, malah, turut memberi keriangan kepada mereka.

"Kita mahu anak-anak kita dilatih untuk kekal cergas dan mampu membesar menjadi insan yang cerdas mindanya," kata Mohd. Tuah kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Mohd. Tuah dalam pada itu berharap sumbangan tersebut dapat dijaga sebaik mungkin dan tiada unsur-unsur vandalisme yang bakal merosakkan prasarana di taman permainan tersebut.

"Harta di taman permainan ini adalah harta bersama, diharap penduduk sekitar sini dapat menjaganya dengan baik," ujarnya.

Majlis turut diserikan dengan perlawanan bola sepak jalanan disertai pasukan PPK Pulau Betong, Ahli Majlis MPPP dan PPK Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid.


Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat & Sihat
BERSATU DAN SETIA
CONTOH
DAFTARLAH SEKARANG!!! di pejabat ADUN ANDA!
PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS . PROGRAM ANAK EMAS
PROGRAM RAKAN ANTI-KEMISKINAN . PROGRAM PELAJAR EMAS